



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (17)
Tarikh : 12 Mei 2020

SIARAN MEDIA

PERASMIAN PEJABAT SEKRETARIAT MUFAKAT KOMUNITI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DESA MUTIARA, TEBRAU, JOHOR

Tebrau, 6 Julai 2020 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah merasmikan Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) di Program Perumahan Rakyat (PPR) Desa Mutiara, Tebrau Johor dan majlis disempurnakan oleh YB Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Penubuhan PSMK merupakan salah satu inisiatif kementerian dibawah pelaksanaan Dasar Komuniti Negara (DKomN). Dasar yang telah dilancarkan pada 17 Februari 2019 itu bermatlamat untuk mendaya upaya komuniti di kawasan perumahan khususnya di kawasan perumahan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama. Dasar ini juga memberi fokus untuk membangunkan komuniti secara inklusif demi mencapai kesejahteraan hidup dan mewujudkan generasi mampan.

PSMK adalah merupakan satu badan di PPR terpilih yang berfungsi sebagai pemudah cara dan penjalin hubungan antara komuniti dengan agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Di samping itu, melalui PSMK juga, anggota komuniti boleh menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi serta mengemukakan cadangan-cadangan program yang ingin dilaksanakan di peringkat komuniti melalui Ketua Komuniti masing-masing. Antara fungsi PSMK adalah seperti berikut:

- i) Menguruskan profil Komuniti;
- ii) Mengadakan sesi libat urus bersama komuniti;
- iii) Menguruskan latihan untuk sukarelawan;
- iv) Menganjur, merekodkan dan melaporkan program serta aktiviti komuniti;
- v) Menyalurkan maklumat kepada komuniti;
- vi) Menerima cadangan, aduan dan isu penyelenggaraan dan menyalurkannya kepada pihak berkaitan; dan
- vii) Membantu proses mediasi dan kaunseling dengan jabatan kerajaan yang berkaitan

Antara pengisian program perasmian PSMK hari ini adalah lawatan YB Menteri KPKT ke sekitar kawasan PPR Desa Mutiara, Tebrau serta lawatan ke Pusat *Zero Waste Community* (ZeComm) yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan barangan kitar semula dan sisa dapur untuk ditebus dengan barangan keperluan harian.

PSMK PPR Desa Mutiara, Tebrau, Johor merupakan pejabat yang ketujuh dirasmikan oleh YB Menteri KPKT dan sebanyak 12 lagi PSMK akan dirasmikan pada masa akan datang. PSMK yang masih belum dirasmikan adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI
1.	PPR Seri Sena, Kangar, Perlis
2.	PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah
3.	PPR Paya Nahu 2, Sungai Petani, Kedah
4.	PPR Simpang Perdana, Taiping, Perak
5.	Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh, Perak
6.	PPR Bersepadu Senawang, Seremban, Negeri Sembilan
7.	PPR Kempas Permai, Tampoi, Johor
8.	PAKR Sri Kemuning, Temerloh, Pahang
9.	PPRS Pak Mahat, Kuantan, Pahang
10.	PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu, Terengganu
11.	PPR Gua Musang, Gua Musang, Kelantan
12.	PPR Telipok Ria, Tuaran, Sabah

Penubuhan PSMK diharapkan dapat melahirkan lebih ramai sukarelawan dan pemimpin komuniti agar komuniti mampu berdaya saing dalam era globalisasi yang kian mencabar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada lapan Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my